
Tajuk: Penerokaan Terhadap Amalan Pengurusan Keperluan Murid B40

Erne Hayaty Osman¹, Bity Salwana Alias²

¹ Pentadbiran Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor DE
E-mail: p11321@siswa.ukm.edu.my

^{2,3} Pusat Kajian dan Polisi Pendidikan, Univesiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor DE
E-mail: bity@ukm.edu.my

Abstrak

Isu berkaitan murid B40 masih berterusan walaupun banyak pihak mendakwa usaha telah dilakukan bagi meningkatkan motivasi murid B40 terhadap pendidikan. Tinjauan awal pula mendapati tiada garis panduan tertentu dalam mengurus atau memotivasi murid B40 terhadap pendidikan melainkan bantuan yang diberikan bagi meringankan bebanan ibu bapa murid B40 dalam menyediakan keperluan anak-anak mereka untuk belajar. Pandangan yang menyatakan manusia boleh dimotivasikan untuk mencapai tahap yang lebih baik dalam kehidupan apabila keperluan mereka telah dipenuhi menjadi asas untuk kajian ini dilaksanakan. Justeru, tujuan kajian ialah meneroka sejauh mana pentadbir sekolah rendah dan menengah di daerah Kinta Utara, Ipoh, Perak mengurus murid B40 berdasarkan tingkat keperluan manusia khususnya bagi memotivasikan murid-murid B40 terhadap pendidikan. Kajian tinjauan ini melibatkan 6 orang pentadbir yang ditemu bual secara bersemuka. Instrumen kajian adalah protokol temu bual manakala data yang dikutip telah dianalisis secara manual. Dapatan menunjukkan, enam orang pentadbir di daerah Kinta Utara, Ipoh, Perak lebih berfokus kepada memenuhi tingkat keperluan yang paling asas iaitu mengurus bantuan kewangan untuk murid-murid B40 termasuklah untuk mempunyai pakaian sekolah dan mendapat makanan sebelum memulakan persekolahan. Dapatan juga menunjukkan dalam mengurus keperluan asas iaitu wang, makanan dan pakaian tersebut wujud juga isu dan cabaran lain yang berkaitan dengan syarat dan kelayakan untuk memohon bantuan, cara agihan yang kurang menepati, sistem pengurusan yang tidak menyeluruh dan ketiadaan jawatankuasa yang khusus bagi membantu mengurus murid B40 berdasarkan tingkat keperluan manusia. Antara implikasi kajian ialah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Pendidikan Malaysia (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan sekolah perlu meningkatkan kecekapan dan keberkesanan dalam mengurus keperluan murid B40 agar motivasi mereka terhadap pendidikan dapat ditingkatkan. Bagaimanapun, kajian lanjutan adalah perlu bagi menguji sejauh mana amalan pengurusan murid B40 berdasarkan tingkat keperluan manusia mempengaruhi motivasi murid B40 terhadap pendidikan.

Kata Kunci : Pendidikan, amalan pengurusan, tingkat keperluan manusia, murid B40, sekolah rendah, sekolah menengah
